

Isnin, Apr 09 2018

Rizab antarabangsa BNM meningkat

Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah AS\$107.8 bilion pada 30 Mac 2018.

Dalam satu kenyataan semalam, bank pusat itu berkata, kedudukan rizab itu memadai untuk 7.4 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab antarabangsa itu meningkat berbanding AS\$103.9 bilion pada 15 Mac lalu.

Menurut BNM, paras rizab berkenaan mengambil kira pelarasan perubahan penilaian semula tukaran asing.

Komponen utama rizab antarabangsa itu adalah rizab mata wang asing (AS\$101.3 bilion), kedudukan rizab Dana Kewangan Antarabangsa (AS\$800 juta), Hak Pengeluaran Khas (SDR) (AS\$1.2 bilion), emas (AS\$1.6 bilion), dan aset rizab lain (AS\$2.9 bilion).

Menurut BNM, aset berkenaan termasuk emas dan pertukaran asing dan rizab-rizab lain termasuk SDR (RM416.39 bilion), Kertas Kerajaan Malaysia (RM4.08 bilion), deposit dengan institusi kewangan (RM5.83 bilion), pinjaman dan pendahuluan (RM7.41 bilion), tanah dan bangunan (RM4.18 bilion), dan aset lain (RM11.52 bilion).

BERNAMA



Bank Negara Malaysia menjelaskan analisis berhubung gaji kehidupan wajar.

BNM nafi laporan rakyat kita miskin

BH 9/4

Bank Negara Malaysia (BNM) menyangkal sebuah laporan berita yang disiarkan pada 4 April lalu, menyebut analisis BNM berhubung gaji kehidupan wajar mengatakan rakyat Malaysia miskin.

Menurut kenyataan bank pusat itu semalam, gaji kehidupan wajar adalah penanda aras bagi pendapatan diperlukan untuk menikmati taraf hidup minimum yang boleh diterima.

"Ia bukanlah penanda rasa untuk menilai tahap kemiskinan. Di samping memenuhi keperluan asas, gaji kehidupan wajar juga membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dalam masyarakat secara bermakna, memberi peluang untuk membangunkan diri dan keluarga serta bebas daripada tekanan kewangan yang teruk.

"Konsep itu perlu difahami dengan mendalam supaya apa-apa komen yang berkaitan tidak tersasar dan menimbulkan kekeliruan,"

tambah BNM.

Berperanan sebagai panduan

Menurut BNM, gaji kehidupan wajar berperanan sebagai panduan kepada majikan untuk mempertimbangkan agar pekerja dibayar gaji mengikut keperluan taraf hidup minimum yang boleh diterima.

"Gaji kehidupan wajar tidak menggantikan gaji minimum semasa yang masih relevan, iaitu sebanyak RM920 hingga RM1,000. Gaji minimum adalah satu keperluan berkanun dan bertujuan menampung keperluan asas isi rumah," kata BNM.

BNM berkata, keupayaan membayar gaji kehidupan wajar perlu dinilai dengan mengambil kira produktiviti pekerja, untuk mengelakkan peningkatan kos yang tidak sepatutnya yang mungkin mendorong kepada kenaikan inflasi.

BERNAMA